

KESALAHAN EJAAN DAN SINTAKSIS

Latihan 1

*Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu** kesalahan ejaan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan tersebut. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

1. Mangsa kemalangan jalan raya itu memfailkan saman di mahkamah untuk menuntut ganti rugi atas kecederaan yang dialaminya.

2. Pemuda yang berambut kerinting itu amat bergaya apabila sedang berucap di pentas.

3. Apabila tiba di lapangan terbang, para pelancong itu menyerahkan paspot masing-masing untuk diperiksa oleh pegawai imigresen yang bertugas.

4. Para pengawas sekolah perlu bertugas dengan efisien agar disiplin murid sentiasa terkawal.

5. Encik Halim mengumumkan bahawa pertandingan olah raga peringkat daerah akan bermula pada bulan Februari ini.

6. Kerajaan berusaha untuk menyalurkan bekalan elektrik dengan membina stesen janakuasa di kawasan-kawasan pedalaman.

7. Para penduduk kampung digesa untuk memohon surat hakmilik kekal bagi tanah-tanah pertanian yang diusahakan oleh mereka.

8. Pegawai itu sedang mengedarkan kelendar percuma kepada para pelanggan yang berurusan di bank.

9. Para pelancong yang datang ke Malaysia pasti akan terpesuna oleh keunikan flora dan fauna yang terdapat di negara ini.
